

FPEP UMS anjur Sesi "Meet And Greet", Bina Keyakinan Pelajar Pascasiswazah Baharu

Terakhir dikemaskini: Selasa, 19 Februari 2019 16:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 120

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 19 FEBRUARI -
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan sesi ramah mesra "Meet and Greet" bersama 37 pelajar pascasiswazah Semester 2, 2018/2019 di fakulti berkenaan baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah) FPEP, Dr Arif@Kamisan Pusiran berkata, semasa mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah, para pelajar perlu membentuk disiplin diri dan mengekalkan hubungan baik dengan penyelia.

"Selain itu, amat penting bagi para pelajar pascasiswazah untuk bergiat aktif menyertai aktiviti dan program bukan akademik anjuran fakulti dan UMS di samping sentiasa bersikap proaktif dan saling berhubungan dengan rakan-rakan pelajar dan ahli akademik.

"Dengan demikian, para pelajar bukan sahaja dapat membina jalinan persahabatan yang kukuh, malah ada dalam kalangan rakan-rakan dan pensyarah dikenali nanti dapat memberikan maklumat dan maklum balas mengenai kajian yang dijalankan, sekali gus membantu kelancaran proses pengajian," katanya.

Dr Arif berucap demikian ketika mewakili Dekan FPEP, Prof. Dr Raman Noordin pada majlis berkenaan.

Hadir sama Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPEP UMS, Dr. Rini Suryati Sulong, serta beberapa pensyarah selaku penyelia kepada pelajar baharu tersebut.

Beberapa pelajar antarabangsa yang ditemui menyatakan bahawa mereka mengenali UMS sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang tersohor di Borneo.

Pelajar dari China, Yuan Weiren berkata, keindahan flora dan fauna kepulauan Borneo, khasnya negeri Sabah memang sudah sedia dikenali oleh komuniti antarabangsa.

"Faktor lain yang mendorong saya datang datang ke Sabah adalah kerana adanya penerbangan langsung ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dari China," katanya.

Rakan senegaranya, Xiao Yanli turut senada dengan beliau apabila turut melahirkan rasa teruja dengan persekitaran kampus UMS serta tidak sabar untuk menikmati keindahan negeri Sabah semasa mengikuti pengajian doktor falsafah di FPEP nanti.

"Pengajian di universiti ini pasti menjadi satu memori yang indah buat kami," ujar mereka berdua yang juga merupakan pensyarah di salah sebuah universiti di China.

Bagi pelajar tempatan, Sean Andrew Labansing, beliau meneruskan ijazah doktor falsafah di UMS kerana yakin akan keupayaan universiti tersebut khususnya FPEP untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing.

"Saya mengikuti pengajian kerana minat untuk mengkaji lebih dalam lagi mengenai sektor kelapa sawit dimana kajian itu adalah berkaitan dengan kerjaya saya sebagai pengurus perladangan tanaman kelapa sawit yang berpangkalan di Jakarta, Indonesia.

"Saya percaya dengan barisan pensyarah yang ada di FPEP UMS ini akan membantu saya untuk fokus dan menamatkan pengajian ini dengan baik," ujarnya yang berasal dari Penampang.

Untuk rekod, pecahan pelajar pascasiswazah FPEP UMS untuk semester ini terdiri daripada 27 pelajar ijazah doktor falsafah, manakala selebihnya iaitu 10 pelajar yang lain merupakan pelajar ijazah sarjana.

FPEP UMS sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Perniagaan dan Ekonomi ditubuhkan pada tahun 1995 bertujuan untuk memenuhi keperluan negara dalam pelbagai bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan bagi memastikan Malaysia mencapai objektifnya untuk menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.